

Seminar Amalan Terbaik Aplikasi Softskills IPTA Malaysia, Khamis 29/11/12, di UNIMAS.

## **KEUSAHAWANAN MEMBANGUNKAN KEMAHIRAN INSANIAH**

Nawawi Jusoh, Ahmad Esa, Mohd Fadel Alwi dan Kamaruddin Khalid  
Pusat Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
Batu Pahat, Johor

### **1.0 Pendahuluan**

Kertas ini membincangkan tentang usaha untuk memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar bagi membangunkan Kemahiran Insaniah (KI). Usaha ini dilaksanakan dalam mencapai tahap kompeten dalam semua elemen KI yang telah disarankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kertas ini juga akan menunjukkan kemahiran-kemahiran lain yang akan menyumbang secara langsung atau sebaliknya dalam mempertingkatkan dan seterusnya membangunkan KI dalam kalangan pelajar.

Pendedahan terhadap budaya keusahawan ini adalah menepati hasrat dan objektif kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berdaya saing dan berdaya tahan dalam pembangunan modal insan negara. Bidang keusahawanan merupakan landasan utama kepada pembangunan insan dengan melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara. Ianya wajar dikuasai oleh pelajar di semua peringkat pengajian. Komponen utama dalam membudayakan keusahawanan adalah melalui Teras Keusahawanan. Antara kursus yang ditawarkan dalam teras ini adalah kursus Keusahawanan, Siswa Niaga, Bisnesiswa, Gerak Usahawan, *Student in Free Enterprise* (SIFE), Siswa Muamalat, dan Koperasi. Sebagai contoh, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah memperkenalkan dua kredit kursus KI kepada mahasiswa pada peringkat Diploma dan Sarjana Muda, iaitu Kemahiran Insaniah 1 (KI Asas (UHS 1021) dan Kemahiran Insaniah 2 (KI Industri – UHS 2021). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) juga menawarkan dua kredit bagi pelajar Sarjana Muda dan Diploma, cuma pelajar boleh ambil mana-mana kursus yang ditawarkan untuk dua semester tetapi tidak boleh memilih kursus yang sama.

### **2.0 Definasi Keusahawanan**

Sebelum kita membincangkan lebih jauh tentang keusahawanan, lebih baik diperjelaskan definasi keusahawanan menurut sarjana dalam bidang keusahawanan. Keusahawanan bermaksud menjalankan kombinasi baru seperti produk atau perkhidmatan baru (Scumpeter, 1934). Kegiatan keusahawanan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan budaya berniaga (Hussaini et al, 2009). Keusahawanan juga bermaksud mempamerkan ciri-ciri yang dimiliki oleh usahawan yang membolehkan usahawan mencari peluang, mengambil risiko yang belum pasti dan mempunyai kecenderungan untuk menjadikan idea sebagai realiti (Kuratko dan Hodgett 2004).

Keusahawanan juga dikaitkan dengan sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkan kepada strategi-strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan (Barjoyai, 2000).

Berdasarkan definisikan yang dikemukakan di atas, maka kemahiran keusahawanan dirumuskan sebagai minat, komitmen dan usaha dalam meneroka peluang dan membina kesedaran tentang risiko serta mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang diterjemahkan kepada perniagaan.

### **3.0 Kemahiran Insaniah**

Kemahiran insaniah (KI) atau soft-skills merupakan kemahiran generik yang merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kerja berkumpulan. Selaras dengan kepentingannya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan Kemahiran Insaniah yang perlu diterapkan kepada para mahasiswa di institusi pengajian tinggi sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara yang mengharapkan mahasiswa cemerlang dari segi akademik dan juga personaliti.

Jabatan Pengajian Tinggi, KPT meletakkan piawai bagi semua kurikulum harus mempunyai rekabentuk yang menerapkan kemahiran insaniah. Terdapat tujuh kemahiran iaitu kemahiran berkomunikasi (CS), pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah (CTPS), kemahiran kerja berpasukan (TS), pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat (LLL), kemahiran keusahawanan (ES), moral dan etika professional (EM) dan kemahiran kepemimpinan (LS). Kesemua kemahiran ini diterapkan kepada pelajar melalui tiga kaedah pembangunan (KPT 2006:15-16 iaitu):

1. Aktiviti formal pembelajaran dan pengajaran (PnP)
2. Aktiviti program sokongan
3. Aktiviti kehidupan di kampus

Melalui aktiviti formal PnP, KI dilaksanakan menerusi dua model yang dikenali sebagai Model Kursus Mandiri (*stand alone course*) dan Model Terapan (*embedded*). Model Kursus Mandiri menggunakan pendekatan melatih dan memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan KI yang diperlukan dengan mengikuti kursus kokurikulum yang telah dan akan direka bentuk secara khusus untuk mencapai tahap sekurang-kurangnya terampil dalam Kemahiran Insaniah Mesti (KIM). Manakala Model Terapan merupakan pendekatan yang menerapkan KI secara merentas kurikulum dalam aktiviti PnP bagi kursus yang diikuti.

Menurut Mohd Salleh et, al (2010), kemahiran insaniah adalah merupakan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan aktiviti/pekerjaan mengikut kemahiran khusus yang dimiliki. Ianya berkembang melalui proses semulajadi seperti pembesaran, kematangan dan penuaan (Megat Aman Zahiri, 2007). Oleh itu,

Model Kursus Mandiri adalah pendekatan yang terbaik untuk memastikan proses KI diterapkan secara langsung kepada pelajar.

Pelaksanaan kursus kokurikulum keusahawanan di UTHM adalah secara mandiri berpusatkan pelajar, amali, projek, simulasi, pembentangan, lawatan, temubual usahawan jaya, perbincangan, dan penyelidikan. Pembelajaran melalui pengalaman dengan menemurah usahawan berjaya merupakan satu slot yang amat penting sebelum mereka melaksanakan perniagaan. Selok belok urusan berniaga dikongsi dan diperolehi dari usahawan jaya sebenar sekitar UTHM. Penyelidikan penting sebelum menyiap RP. Kajian pasaran, kewangan dan operasi perniagaan perlu difahami sebelum RP disiapkan sama ada menemurah usahawan ataupun memperolehi maklumat dari perpustakaan.

42 jam diperuntukkan selama satu semester dengan pertemuan formal dua jam setiap minggu. Minggu pertama pengkuliahan, para pelajar telah diterangkan konsep PnP, rubrik pemarkatan dan pemberat pemarkahan. Jurulatih atau pengajar yang dilantik bertugas lebih kepada fasilitator dengan memberi nasihat, tunjuk ajar dan pengetahuan. Nota diedarkan secara *soft copy* kepada pelajar sebagai panduan untuk menyiapkan semua tugas.

#### **4.0 Hubungkait Kemahiran Insaniah dan Keusahawanan**

KI boleh dianggap sebagai atribut personal yang dapat menonjolkan interaksi individu, prestasi kerja dan prospek kerjaya. Tidak seperti kemahiran fizikal (*hard skill*) yang melibatkan keupayaan seseorang melakukan kerja atau aktiviti, KI lebih melibatkan keupayaan interpersonal dan kegunaan yang lebih luas. KI kerap dikaitkan dengan istilah yang melibatkan kualiti atau personaliti individu seperti optimistik, lebih rasional, bertanggungjawab, integriti dan keupayaan yang boleh diamalkan seperti empati, kerja berpasukan, kepimpinan, komunikasi, berperibadi mulia, berurusan, bersosial dan berkupayaan untuk mengajar. Dengan kata lain, kemahiran fizikal memberikan peluang untuk melayakkan anda ke pusat temuduga tetapi anda perlukan KI untuk mendapatkan pekerjaan tersebut.

Kemahiran keusahawanan merupakan minat, komitmen dan usaha dalam meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko serta mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang diterjemahkan kepada perniagaan. Kegiatan keusahawanan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan budaya berniaga.

Kemahiran Keusahawanan yang ingin diperkenalkan dalam Kemahiran Insaniah (*soft skills*) adalah mempunyai empat tahap berikut (KPT 2006):

1. Kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan.
2. Kebolehan merangka perancangan perniagaan.
3. Kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan.
4. Kebolehan untuk bekerja sendiri.

Kemahiran keusahawanan yang diajar dalam kursus keusahawanan atau kursus lain dalam teras keusahawanan menunjukkan persamaan dan mempunyai hubungkait yang rapat dengan kemahiran usahawan dalam kemahiran insaniah. Dalam persamaan ini, huraian terperinci

akan dibuat dalam bab tujuh bagi membuktikan bagaimana keempat-empat kemahiran keusahawan di atas dijemakan dalam kemahiran insaniah yang lain.

## **5.0 Konsep Pembelajaran dan Pengajaran Keusahawanan**

Proses PnP keusahawanan merujuk kepada satu proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang segala kegiatan yang dilakukan oleh usahawan melalui PnP (Nor Aishah Buang, 2006) sama ada secara formal atau sebaliknya. Ia satu usaha untuk membina potensi keusahawanan individu melalui pelaksanaan kokurikulum keusahawanan dan aktiviti –aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Nor Aishah (2006) menyatakan bahawa kokurikulum keusahawanan diasaskan kepada empat tunjang iaitu pembentukan sikap atau ciri-ciri penting, pembentukan atau orientasi, kemahiran pengurusan perniagaan dan pembentukan vokasional. Manakala Ashmore (1989) dan Miller (1983) sependapat bahawa pendidikan keusahawanan adalah satu proses pembelajaran seumur hidup yang bermula dari sekolah rendah hingga ke pelbagai peringkat pendidikan tertinggi.

Tujuan utama kursus keusahawanan adalah untuk mengembangkan potensi pelajar ke arah yang lebih kreatif, inovatif dan bijaksana dalam membuat keputusan. Keusahawanan juga mengajar seseorang itu supaya bersedia mengenal pasti peluang dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi, di samping bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian (Yap Poh Moi, 2002). Antara ciri-ciri keusahawanan yang perlu dibentuk melalui keusahawanan adalah keperluan untuk pencapaian, kepimpinan, kreatif, berkeyakinan, mempunyai hubung jalin, berinisiatif, mengambil risiko, berimajinasi dan berkeupayaan menganalisa. Clouse et.al (2003) mencadangkan kurikulum keusahawanan perlu memberi penekanan kepada kreativiti, pembelajaran berasaskan masalah dan kemahiran menyelesaikan masalah serta memfokuskan kepada kesedaran peluang-peluang.

Kepentingan keusahawanan semakin dirasai keperluannya apabila wujudnya masalah pengangguran yang semakin meruncing dalam kalangan belia Malaysia. Mengikut Ibrahim Abu Shah (2004) antara penyebab kepada pengangguran siswazah adalah dikaitkan dengan kualiti pendidikan dan kebolegunaan tenaga siswazah. Maka amatlah wajar kursus berbentuk keusahawan ini diajar secara mandari kepada mahasiswa dalam ko-kurikulum secara berstruktur dan diberi sekurang-kurangnya dua kredit. Amat tepatlah konsep pembelajaran yang telah diterapkan oleh UTHM khususnya yang mana telah dipersetujui oleh penyelidik seperti yang dinyatakan di atas.

## **6.0 Kompetensi Personal Keusahawanan**

Secara umumnya, keperluan pasaran kerja kini mementingkan bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran teknikal, malah majikan mencari KI dalam kalangan bakal pekerja mereka. Cabaran kini adalah untuk memperkenalkan program ataupun kursus di mana mahasiswa IPT dapat belajar dan menonjolkan kompetensi KI mereka semasa proses PnP berlaku.

Sebelum membincangkan kepentingan KI dalam Kokurikulum Keusahawanan, diterangkan terlebih dahulu apakah kompetensi yang perlu diterapkan kepada seorang usahawan. Terdapat 13 kompetensi yang perlu diterapkan kepada mahasiswa yang ingin menjadi

seorang usahawan. Lampiran 1 menyenaraikan 13 kompetensi berkenaan bersama sifat atau sikap bagi setiap kompetensi berkenaan bagi membantu untuk melihat kaitan setiap elemen kompetensi dengan elemen KI.

## **7.0 Kepentingan KI dalam Teras Kesuahawanan**

Untuk melihat kaitan enam kemahiran yang lain (ES dikecualikan) dengan kompetensi personal keusahawanan, matriks telah dibentuk seperti di Lampiran 2. Skala Likert 4 mata telah digunakan sebagai pemberat untuk melihat kekuatan setiap elemen kompetensi keusahawanan berbanding KI yang berkaitan. Berpandukan maklumat di Lampiran 2, kemahiran komunikasi (CS) mendapat tempat pertama, diikuti oleh LLL, CTPS, TS, EM dan LS. Kemahiran Keusahawanan (ES) dikecualikan dalam matriks berkaitan ini kerana ia merupakan kemahiran unggul yang sememang diperlukan oleh usahawan mahasiswa.

### **7.1 Kemahiran Komunikasi (CS)**

Urutan kepentingan KI dalam teras keusahawanan ini sememangnya boleh diterima kerana mahasiswa yang berkemahiran keusahawanan, tidak dapat disangkal, mereka perlu cekap dan pandai dalam CS. Mereka harus aktif dalam aktiviti-aktiviti sama ada anjuran universiti atau kolej supaya mempunyai ramai kawan dan dikenali oleh pensyarah mereka (Ahmad Esa, 2012). Selain itu, mereka perlu berkomunikasi dengan pihak pengurusan universiti ketika ingin mendapat kemudahan logistik. Dengan CS yang baik, mereka mampu cekal, berdikari dan menghadapi karenah birokrasi daripada pihak tertentu. Selain itu, kemahiran ini akan membantu mereka dalam mempromosi aktiviti keusahawanan mereka kepada pelanggan atau pengedar produk. Para usahawan perlu tahu, dunia perniagaan sama seperti 'peperangan,' jika individu itu tidak pandai untuk berkomunikasi, bagaimana dia hendak menjual produk dan nama syarikat? (Datuk Maznah Hamid, 2009).

### **7.2 Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pengurusan Maklumat (LLL)**

Dalam menghadapi persaingan dan cabaran bidang perniagaan, mahasiswa perlu menambah ilmu dan pengetahuan tentang perniagaan mereka. Ini adalah kelebihan atau strategi terbaik untuk menghadapi pesaingan dalam dunia perniagaan. LLL merupakan KI kedua terpenting dalam teras keusahawanan. Mereka terlibat dengan pembikinan Rancangan Perniagaan (RP). Antara aspek penting dalam RP ialah matlamat dan objektif perniagaan, strategi pemasaran, belanjawan, jangkaan peratus untung rugi, operasi perniagaan dan prestasi perniagaan (Datuk Maznah Hamid, 2009).

### **7.3 Kemahiran Berpasukan (TS)**

Kerja berpasukan (TS) dalam kalangan staf syarikat perniagaan tidak boleh dianggap remeh. Walaupun perniagaan boleh dijayakan dengan cemerlang secara individu, perniagaan boleh maju dengan lebih berjaya apabila semangat kerja pasukan tinggi wujud dalam kalangan pekerja syarikat. Dengan cara ini, boleh mengelakkan perasaan iri hati atau dengki dalam kalangan staf. Mereka akan jatuh bangun bersama dengan syarikat. Oleh yang demikian, semasa para pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan sama ada berniaga atau perundingan, maka

kemahiran berpasukan amatlah penting dalam menentukan kejayaan dan pencapaian objektif akhir kumpulan mereka.

## **8.0 Pengukuran KI dalam Kursus Teras Keusahawanan**

Dalam menilai kursus Kokurikulum Berkredit Keusahawanan, terdapat tiga jenis penilaian yang dilaksanakan di UTHM iaitu Kemahiran Insaniah (KI), Kemahiran Bidang (KB) dan Kerja Kursus (KK).

KB diperuntukan sebanyak 30%, Kemahiran Insaniah 30% dan KK sebanyak 40%. KB bermaksud kemahiran tentang keusahawanan itu sendiri. Walaupun terdapat banyak kemahiran keusahawanan yang boleh diukur, amalan UTHM tertumpu kepada laporan lawatan industri kecil dan sederhana (IKS) di sekitar UTHM yang merangkumi kandungan (10%), slogan (5%), produk atau perkhidmatan (5%), dan kreativiti dan rekapipta (10%). Rujuk Lampiran 3 sebagai dokumen tambahan iaitu rubrik penilaian. Kebiasaannya lawatan ke IKS dilaksanakan seawal minggu ke tiga dan selewat-lewatnya minggu ke lima.

30% diperuntukan untuk pengukuran kemahiran insaniah yang merangkumi kemahiran kerja berpasukan dan pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat melalui aktiviti lawatan keusahawanan. Para pelajar perlu menguruskan lawatan bermula dari peringkat penyediaan kertas kerja sehinggalah laporan akhir lawatan. Menguruskan kenderaan, penginapan dan kewangan menjadi elemen utama faktor kejayaan lawatan ini. Lawatan ini kebiasaannya dilaksanakan pada minggu ke 12 atau ke 13 selama tiga hari dua malam atau 14 jam pertemuan formal. Pemarkahan dinilai berdasarkan pembentangan hasil lawatan (15%) dan laporan lawatan keusahawanan (15%). Rujuk Lampiran 4a dan 4b untuk perincian pecahan dan rubrik penilaian.

Manakala KK diperuntukan sebanyak 40% dinilai berdasarkan rubrik kemahiran komunikasi seperti Lampiran 5 melalui laporan Rancangan Perniagaan (RP) sebanyak 20% dan pembentangan RP sebanyak 20%. Kebiasaannya pembentangan ini dilaksanakan pada minggu ke tujuh pengkuliahan secara berkumpulan. Penyediaan RP dilakukan selepas pelajar menjalankan lawatan ke IKS sekitar Parit Raja.

## **9.0 Kesimpulan**

Menjadi matlamat kerajaan untuk menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya dalam kalangan masyarakat. Tidak hanya bergantung kepada peluang pekerjaan, malah mencipta peluang pekerjaan. Usaha kerajaan untuk menerapkan kefahaman tentang kepentingan bidang keusahawanan dalam membina kehidupan yang lebih baik, amat wajar apabila KPT menjuruskan Teras Keusahawanan sebagai salah satu teras utama dalam ko-kurikulum di seluruh IPT.

Didapati bahawa Teras Keusahawanan yang merangkumi beberapa kursus berbentuk keusahawanan telah berjaya menimbulkan kesedaran dan mengubah sikap serta persepsi pelajar kepada lebih positif terhadap bidang keusahawanan. Kemahiran Keusahawanan, Kemahiran

Komunikasi, Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Kerja Berpasukan merupakan amalan terbaik aplikasi kemahiran insaniah dalam teras keusahawanan. Empat kemahiran ini dapat diukur tahap kompetensi dengan menggunakan rubrik.

Walaupun demikian, pelaksanaan ini haruslah dikendalikan oleh jurulatih yang memahami Kemahiran Insaniah, Pembelajaran dan Pengajaran, Penilaian dan Pengukuran berasaskan rubrik dan Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE). Kursus latihan kepada jurulatih perlu dilakukan demi menjaga kualiti hasil yang diperolehi.

## 10.0 Rujukan

- 1 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Serdang: Penerbit UPM.
- 2 Ahmad Esa (2012). Kemahiran Keusahawanan Pemangkin Kecemerlangan Mahasiswa. Tinta IPT, Berita Harian (9 Mei 2012).
- 3 Datuk Maznah Hamid (2009). Usahawan Wajar tingkat Kemahiran Komunikasi. Utusan Malaysia (15 Mei 2009)
- 4 Schumpeter, J. (1934). The Theory of Economic Development. Studies in Economic Development, Cambridge MA: Harvard University.
- 5 Mohd Salleh Abu, Meor Ibrahim, Mohd Ali Ibrahim, Zainudin Abu Bakar, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria dan Muhammad Abu Hadi Bunyamin (2010). Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan UTM. Kertas Institusi. Fakulti Pendidikan, UTM.
- 6 Husaini Muhammad Haron dan Ahmad Khairul Anuar (2008). Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Analisis Buku-buku teks. Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008, 18-19 Ogos, 2008, Hotel Mahkota, Melaka. ([http://eprints.uthm.edu.my/129/1/muhammad\\_haron\\_husaini.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/129/1/muhammad_haron_husaini.pdf))
- 7 Kuratko, D.F & Hodgetts Richard, M. (2004). Entrepreneurship Theory Process Practice. Ed. ke-6. Ohio: South-Western, Thompson Corporation.
- 8 Barjoyai Bardai (2000). Keusahawanan dan Perniagaan Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- 9 Megat Zakaria Megat Aman Zahiri (2007). Hubungan antara kemahiran Generik dgnan Jantina, Pengkhususan dan Pencapaian Guru Pelatih UTM: Satu Tinjauan.
- 10 Kementerian Pengajian Tinggi (2010). Modul Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi. Parit Raja: Penerbit UTHM

- 11 Shamsul Huda Abd Rani, Muhammad Shukri Bakar, Shiza Sa'atar, Lily Julienty Abu Bakar, Habshah Bakar (2010). Prinsip-Prinsip Keusahawanan: Pendekatan Gunaan. Edisi kedua. Cengage Learning Asia Pte. Ltd. Singapore.
- 12 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007). Asas Pembudayaan Keusahawanan. Serdang: Penerbit UPM.
- 13 Ibrahim Shah (2004). Graduan dan Isu Pengangguran. Perbentangan di Konferensi TNCA dan Dekan-Dekan IPTA, 21 Julai, Pan Pacific KLIA.
- 14 Hanum Hassan, Razli Ahmad dan Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari (2008). Kemahiran Insaniah Dan Kepentingan Penerapannya Dalam Program Baktasiswa Perdana Unimap. Pusat Kemahiran Komunikasi Unimap.  
<http://dspace.unimap.edu.my/dspace/bitstream/123456789/5842/1./pdf/>
- 15 Clouse, R.W., Goodin, T., Davey, M & Jeff Burgoyne, J. (2003). Entrepreneur In Action: An Integrated Approach To problem Solving Via The Internet.
- 16 Jamaluddin Badusah (2009). Pembangunan Pelajar: Memperkasa Kokurikulum, KPT, Penerbit UPM.
- 17 Nor Aishah Buang (2006). Deraf Pendidikan Keusahawanan.
- 18 Killen, R. (2000). Outcome-based Education: Principles and Possibilities, Unpublished manuscript, University of Newcastle, Faculty of Education.
- 19 Mohayiddin. M.G., Suandi. T., et all. (2008). Implementation of Outcome-Based Education in Universiti Putra Malaysia: A Focus on Students' Learning Outcomes, International Education Studies. Volume 1 no 4, 2008.
- 20 Yap Poh Moi (2002). Kesiediaan guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.